



TASAWUF DAN PEMBANGUNAN ROHANI DIKALANGAN MASYARAKAT

Muhammad Khairi Mahyuddin^{1*}, Roslee Ahmad¹,
Atifah Mamat¹, Awatif Abdul Rahman²

¹ Fakulti Kepimpinan & Pengurusan Universiti Sains Islam Malaysia
² Pusat Pengajian Teras Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
*Corresponding author: muhammadkhairi77@gmail.com

Received 13 August; Accepted 29 October 2018
Available online 22 December 2018

ABSTRACT

Sufism is a science that is often misunderstood by the general public as passive and setback. There is a negative view of the terminology and meaning of Sufism as a science taken from other religious sources and associated with heresy. The approach of this writing is narrative and descriptive based on reference to Islamic literature. The result of finding that Sufism is a true science originating from the Koran and al-Sunnah and is active and progressive is awakening the community and the state based on the views of the scholars of the scholars of Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah.

Keywords: Sufism, Awakening, Society, Ahl al-sunnah wa al-jamaah

ISSN 2599-123X ©Production and hosting by IAI Al-Mawaddah Warrahmah Kolaka

DOI: 10.5281/zenodo.2377947

PENDAHULUAN

Ilmu tasawuf merupakan suatu ilmu yang sering menjadi perbincangan yang panjang samaada dari segi terminologi, makna dan peranannya yang diolah dari pelbagai kacamata. Terdapat pandangan negatif bahawa tasawuf adalah ilmu bukan berasal dari ajaran Islam atau diveduk daripada ajaran agama lain dan berbau falsafah. Malah lebih teruk lagi, tasawuf dikaitkan dengan ilmu kebatinan dan ajaran sesat. Ada yang melihat tasawuf sebagai ilmu yang terpisah dari perbincangan ilmu-ilmu Islam lain seperti tawhid, feqah dan ilmu -ilmu lain. Malah dikait juga bahawa, tasawuf adalah penyebab utama kemunduran masyarakat, pasif dari aktiviti keduniaan, kemunduran pembangunan negara, Maka kesalahfahaman terhadap tasawuf sebenar, pengertian, kedudukan dan peranannya dalam Islam perlu diperbetulkan mengikut huraian para ulama ahli al-sunnah wa al-Jamaah

Tasawuf merupakan satu ilmu benar berasal dari ajaran Islam. Walaupun perkataan tasawuf tidak disebut dalam al-Quran tetapi dari segi kandungan amalannya memang telah wujud dalam al-Quran dan Sunnah. Bahkan perkataan tasawuf turut digunakan oleh kebanyakan ulama sebagai satu tradisi ilmu yang sah dalam Islam dan dihuraikan intipatinya dengan pelbagai istilah lain seperti *tazkiyyah al-nafs*, *ilm al-haqiqah*, *ilmu al-suluk*, *ilm al-qalb* *ilm al-batin*, *ilm al-dhawq* *ilm al-ma'rifat*, *ilm al-mukashafah*, *ilm al-asrar*, *ilm al-maknun*, *ihsan*, *tariqah* dan lain-lain lagi.

Antara dalil bahawa amalan tasawuf telah wujud dalam Islam dari sumber al-Quran dan Sunnah ialah amalan bertaubat, berzikir berkhulwah, muraqabah, tafakkur, harap,takut, bermunajat, zuhud, ikhlas, merendah diri, membaca kitab-kitab Allah secara tadabbur dan mengamalkannya dan lain-lain lagi telah lakukan oleh para Nabi dahulu seperti Nabi Zakaria, Nabi Musa A.S dan Nabi Isa sehingga Nabi Muhammad SAW Malah pengikut-pengikut Nabi Musa dan Nabi Isa A.S, yang dikenali sebagai al-Rabbaniyyin, al-Ahbar. Al-Qissisin , al-Rahban dan al-Hawariyyin. Manakala pengikut Nabi Muhammad SAW dikenali dengan sahabah dan sufiyyah (al-Qaylubi 2002).

PEMBAHASAN

Kedudukan Ilmu Tasawuf dalam Islam

Ilmu tasawuf mempunyai kedudukan yang sama penting sebagai asas agama dengan ilmu tawhid dan feqah. Malah ilmu tasawuf juga berkongsi matlamat yang sama dengan ilmu tawhid dan feqah iaitu sentiasa hati hadir mengadap Allah Yang Maha Esa. Ilmu tawhid dikenali dengan pelbagai istilah seperti akidah, kalam, usul al-din, makrifah. Ilmu tawhid penting untuk mengenal Allah dengan jalan kefahaman, kesedaran, keyakinan penuh dan iktikad tetap didalam hati (*al-idrak b al-qalb*). Hal ini kerana ibadah manusia tidak dapat dilaksanakan melainkan manusia mengenal kewujudan Penciptanya dengan penuh yakin di dalam hati.

Manakala ilmu feqah pula mengandungi perintah segala suruhan Allah dan melaksanakannya dengan hati yang sentiasa mengadap Allah yang menshariatkan segala peraturan dan hukum hakam agama. Ia mengandungi perintah wajib, sunat, harus, makruh dan haram.

Tasawuf pula ialah mengandungi perintah sentiasa hati ingat kepada Allah melalui jalan *tazkiyyah al-nafs* dari sifat-sifat keji (*mazmumah*) dan menghiasai dengan sifat-sifat kepujian (*mahmudah*) sehingga terhasil akhlak mulia. Tasawuf juga sinonim dengan makna Ihsan iaitu sentiasa mengiktikadkan bahawa Allah senantiasa melihat hambaNya zahir dan batin

Manakala tariqah sufiah pula merupakan aspek praktikal dalam tassawuf. Ia adalah gabungan ilmu dan amal dibawah bimbingan guru melalui menjalani *tarbiyyah*, *mujahadah* dan *riyadah* shariah Islam berpaksikan tawhid sehingga terhasil hati sentiasa hadir, yakin serta melazimi mengadap Allah tanpa lalai kepadaNya dalam semua aktiviti keduniaan dan agama sebagai amalan ibadah kepadaNya

Titik pertemuan ketiga-tiga ilmu ini termasuk aspek tariqah sufi dalam tasawuf melibatkan penghayatan, keyakinan dan amalan hati serta fizikal. Jelas menunjukkan bahawa ketiga-tiga ilmu ini adalah berkait rapat dan berpadu serta berkongsi matlamat yang sama iaitu kepatuhan shariat kepada Allah dengan kehadiran hati kepadaNya.

Walaupun ketiga-tiga ilmu ini mempunyai berbezaan istilah dan makna, namun hakikatnya kesemuanya adalah satu, berpadu dan tidak berpisah iaitu shariah Allah dan agama

Muhammad Khairi Mahyuddin. *et al.* Tasawuf dan Pembangunan...

Islam yang turunkan kepada Nabi Muhammad Saw., Pembahagian ilmu dibuat oleh para ulama ialah untuk memudahkan manusia mengetahui intipati shariat Islam dari umum kepada perincian detail dengan jelas, mudah dan tersusun (Wan Sulaiman 1335H;1347H)

Bukti yang menunjukkan ketiga-tiga ilmu ini berpadu dan tidak terpisah, maka para ulama mengarang kitab-kitab yang mengandungi ilmu tauhid, feqah, tasawuf dan tariqah secara berpadu dan tersusun seperti Abu Hamid Muhammad b Muhammad al-Ghazzali dalam *Ihya Ulum al-Din* dan Abu 'Abd Allah Muhammad ibn 'Ali ibn Muhammad ibn 'Arabī al-Ḥatimi al-Ta'i dalam *Futuhāt al-Makiyyah fi Ma'rifah al-Malikiyyah wa al-Malakiyyah*, Abd al-Wahab al-Sha'rani dalam *al-Yawaqit wa al-Jawahir fi Bayan Aqaid al-Akabir* dan *al-Mizan al-kubra* dan Ahmad b Abd al-Ahad al-Sirhindi dalam *al-Maktubat* dan lain lain lagi. Kesemua ulama ini adalah para ulama beraliran ahl Sunnah wal-Jamaah yang diiktiraf oleh dunia Islam.

Peranan Tasawuf dalam Pembangunan Kerohanian Masyarakat

Kebanyakan masyarakat sekarang memahami tasawuf dengan persepsi sempit sebagai bersifat pasif, menyendiri, anti sosial, mundur dan terpisah dari dunia dan negara. Pandangan ini adalah tidak tepat. Ilmu tasawuf sebenarnya bersifat aktif, progressif, sosial, pro pembangunan masyarakat dan negara.

Menurut Shaykh Islam Negeri Kedah Wan Sulaiman Wan Siddik, peranan tasawuf ada tiga. **Pertama:** memelihara insaniyyah, kedua: membersihkan hati dari sifat-sifat terkeji dan menghiasinya dengan sifat-sifat terpuji (*takhliyyah wa tahliyyah*), ketiga; memelihara dan membangunkan negara (Wan Sulaiman 1343H)

Pertama: memelihara Insaniyyah. Iaitu memelihara kemuliaan kedudukan manusia yang diciptakan untuk menjadi hamba Allah dan khalifahNya di muka bumi. Kedudukan manusia adalah berbeza daripada makhluk yang lain seperti jin, malaikat dan binatang. Hal ini disebut dengan jelas pengiktirafan Allah mengenai kedudukan manusia sebagai khalifahNya yang mulia dan pengambilan perjanjian tawhid kepada Allah semenjak manusia berada di alam ruh. Tawhid ini dinamakan sebagai *tawhid al-fitrah*, *tawhid al-yaqini al-kashfi* atau *tawhid al-asliyyah al-azaliyyah*.

Hal ini berdasarkan firman Allah, Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat; "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi". (al-Baqarah 2:30)

Allah berfirman:

"Bukankah Aku tuhan kamu?" Mereka semua menjawab: "Benar (Engkaulah Tuhan kami), kami menjadi saksi". Yang demikian supaya kamu tidak berkata pada hari kiamat kelak: "Sesungguhnya kami adalah lalai (tidak diberi peringatan) tentang (hakikat tawhid) ini". (al-A'raf 7:172)

Nabi Saw., bersabda: Setiap anak adam dilahirkan dalam keadaan fitrah, maka ibu bapanyalah yang menjadikanya beragama Yahudi, atau Nasrani atau Majusi (al-Bukhari sahih al-Bukhari)

Tetapi manusia lupa perjanjian tawhid ini dan kedudukannya sebagai khalifah disebabkan oleh dua faktor: gangguan syaitan yang menyesatkan manusia dan kekuatan tuntutan tarikan jismaniyyah/ material. Oleh itu para Nabi dan Rasul diturunkan untuk mengingatkan semua manusia kepada perjanjian tawhid tersebut. Begitu juga para ulama meneruskan tanggungjawab ini pada setiap zaman untuk mendidik dan membimbing manusia kembalikan ingat kepada perjanjian tawhid dan tanggungjawab sebagai khalifah kepada Allah (Wan Sulaiman 1347H)

Untuk mengingati perjanjian ini dan memelihara kemuliaan manusia sebagai khalifah Allah yang melibatkan kepada peranan hati manusia, maka ilmu tasawuf adalah diperlukan. Ilmu tasawuf dapat dihayati dan difahami melalui bimbingan ilmu dan amal guru murshid dengan cara *tarbiyyah*, *mujahadah* dan *riyadah* bersungguh-sungguh mengamalkan ajaran Islam berpaksikan tawhid dan bersendikan shariah (Wan Sulaiman 1337H;1343H;1347H)

Maka manusia mestilah mempelajari asas ilmu akidah, feqah dan tasawuf secara sepadu serta dengan amalan zikir yang perlu disertai secara serentak untuk memantapkan kefahaman dan penghayatan. Pentingnya zikir dalam akidah ialah supaya manusia dapat mencapai keyakinan tetap dan ketenangan hati dalam menerima segala keimanan kepada Allah tanpa syak dan syubhah didalam hati.

Manakala peranan zikir dalam feqah yang berkaitan ibadah amaliah ialah untuk memudahkan hati tenang beramal dengan perintah Allah, menghilangkan malas dan

Muhammad Khairi Mahyuddin. *et al.* Tasawuf dan Pembangunan...

penolakkan amal yang terbit dari kejahatan *nafs al-ammarah*. Dalam tasawuf pula, zikir dapat menghilangkan sifat-sifat *mazmumah* dan mendatangkan sifat *mahmudah* serta hudur tawajjuh hati kepada Allah tanpa lalai (al-Ghazzali 1995; al-Sirhindi t.t ;Wan Sulaiman 1335H) .

Hal ini bertepatan dengan firman Allah : (Iaitu) orang-orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka dengan zikrullah". Ketahuilah dengan "zikrullah" itu, tenang tenteramlah hati manusia. (al-Ra'd 13:28)

Hadis Nabi Saw: “Sesungguhnya setiap sesuatu ada alat pembersihnya, maka alat pembersih hati ialah zikr Allah”. (al-Bayhaqi Shu’b al-Iman)

Kedua: membersihkan hati dari sifat –sifat terkeji dan menghiasinya dengan sifat-sifat terpuji (*takhliyyah wa tahliyyah*). Kewujudan manusia di dunia ini terdiri dua unsur ruhani dan jasmani dan diberikan dengan beberapa kurniaan kekuatan. Kurniaan pertama ialah nafsu. Permulaan hidup manusia bermula dengan *nafs al-ammarah* . Nafsu ini bersifat dengan kelakuan kehaiwanan, syaitani, memberontak dan degil untuk menuruti perintah Allah. Namun ia boleh dididik untuk ditukarkan sifat dan halnya kepada *nafs al-lawwamah* dan kemudian *nafs al-mutmainnah* (al-Ghazzali 1995; Ahmad t,t; al-Kurdi 1994).

Kurniaan kedua ialah kekuatan dan potensi untuk bergerak dan melaksanakan tanggungjawab khalifah seperti kekuatan akal (*quwwah aqliyyah*), kekuatan shahwat perut (*quwwah al-syahwah al-batniyyah*), kekuatan marah (*quwwah al-ghadabiyyah*) dan kekuatan faraj (*quwwah farjiyyah*).

Kurniaan dan kekuatan ini tidak boleh disekat dan dibuang terus dari dalam diri manusia. Tetap mesti dipelihara melalui didikan keseimbangan, dengan melenturkan nafsu dan kekuatan tersebut pada kelakuan yang sesuai dan benar berdasarkan potensinya menurut pertimbangan akal dan syariah. Hasilnya akan wujud kebahagiaan, ketenangan dan kemenangan hidup (al-Ghazzali 1995; Wan Sulaiman1343H)

Jika kekuatan ini tidak dipelihara dan dilatih, serta didorong pula oleh pengaruh jahat *nafs al-ammarah*, dan diperkukuhkan oleh bisikan syaitan, maka kesannya manusia melakukan kerosakkan, kemusnahan, kekejaman, dan dosa seperti takabbur, merompak, permusuhan, membunuh, khianat, bercakap bohong, berzina dan lain lain lagi yang merosakkan diri manusia, masyarakat dan negara.

Maka ilmu tasawuf melalui bimbingan guru berpaksikan tawhid dan bersendikan shariah Islam akan melatih nafsu dan potensi kekuatan tadi untuk patuh kepada Allah melalui *tarbiyyah*, *mujahadah* dan *riyadah* sedikit demi sedikit ajaran Islam sehingga hati berubah kepada nafs al-mutmainnah dan segala amalan ibadah menjadi mudah dilaksanakan dengan hati yang *ikhlas*, *mahabbah*, dan *makrifah*. Akhirnya jadilah semua ajaran Islam, ketaataan dan amal soleh sebagai sifat dan kebolehan yang tetap (*malakah rasikhah*) yang sukar ditinggalkan dan berakhlak dengan akhlak yang terpuji (Wan Sulaiman 1337H;1343H). Dalam hal ini, Imam Abu Hamid Muhammad b Muhammad al-Ghazzali menyebut, bahawa para hukama dan ulama bersepakat bahawa tiada jalan untuk memperolehi kebahagiaan di dunia dan akhirat melainkan dengan melawan hawa nafsu dan syahwat (al-Ghazzali 1995)

Apabila tertanamnya akidah yang kukuh dan tenang didalam hati, maka terhasillah didalam dan diluar diri manusia sifat sifat mahmudah seperti benar, sabar, muhasabah, muraqabah, ikhlas, mahabbah, tawakkal dan lain lain lagi. Selain itu, dengan sifat sifat mahmudah yang disebutkan, maka segala kejahatan, kebinasan dan kerosakan, kesesatan dalam kehidupan didunia, dan agama dapat dihindari. Justeru itu jadilah komponen agama seperti ibadah, munakahat , muamalah, jinayah dan adat adalah amalan *ubudiyyah* kepada Allah dengan hati yang hadir dan ikhlas. Maka, terpeliharaan sifat dan kedudukan manusia sebagai khalifah

Ketiga: Memelihara dan Membangunkan Negara Jika tiada sebuah negara yang teratur dan aman, maka manusia tidak dapat melaksanakan dengan sempurna tanggungjawab sebagai khalifah menguruskan aktiviti keduniaan dengan perintah agama. Manusia tidak dapat memenuhi keperluan harian seperti makan minum, tidur, belajar, dan lain lain lagi dengan baik. Malah keseluruhan ajaran Islam pula tidak dapat amalkan secara individu melainkan dengan konsep gotong royong, kerja sama, tolong menolong dan toleransi, hormat menghormati sesama masyarakat samaada dengan masyarakat Islam dan bukan Islam yang berbagai kaum dan dengan pemerintah negara yang mentadbir dengan hikmah.

Hal ini penting kerana tersusunnya amalan agama terletak kepada kecekapan pengurusan dan tadbir urus dunia dalam negara. Urusan dunia dalam negara juga bergantung kepada keadaan gandingan, hubungan baik masyarakat dan ulama dengan pemerintah negara. Pemerintah negara pula bertanggungjawab menguruskan pentadbiran urusan dunia secara tersusun berpaksikan ajaran agama melalui kerjasama dengan para ulama. Hal ini kerana

Muhammad Khairi Mahyuddin. *et al.* Tasawuf dan Pembangunan...

kebaikan masyarakat dan kehidupan harian mereka di dunia ini terletak kepada kebijaksanaan pemerintah yang mengurus dan mentadbir negara (al-Ghazzali 1995, Ahmad t.t)

Tasawuf berperanan aktif, dinamik, progresif dan sosial untuk membangunkan negara melalui aktiviti pekerjaan, dan gabungan semua unit dan lapisan masyarakat secara kerjasama dengan pemerintah negara. Negara merupakan lokasi tempat manusia hidup didunia yang menjadi jabatan untuk ke akhirat. Peranan tasawuf ialah mendidik dan membimbing semua lapisan masyarakat dan pentadbiran sentiasa menjalankan segala aktiviti pekerjaan dan pengurusan serta pentadbiran kedunia seperti pertanian, kehakiman, perundangan , penguatkuasaan, pertenunan, perikanan, perindustrian, pendidikan, perniagaan, penternakan, pengurusan organisasi, pentadbiran di jabatan, pertahanan , perlancongan dan lain- lain berpaksikan tawhid, dan bersendikan shariah, berakhlak dengan sifat terpuji beserta hati yang selalu ingat kepada Allah. Maka jadilah keseluruhan aktiviti kedunia menjadi ibadah yang diredai Allah.

Allah berfirman: (Ibadat itu dikerjakan oleh) orang-orang yang kuat imannya yang tidak dilalaikan oleh perniagaan atau berjual-beli daripada menyebut serta mengingati Allah, dan mendirikan sembahyang serta memberi zakat; mereka takutkan hari (kiamat) yang padanya berbalik-balik hati dan pandangan(al-Nur 24:37)

Nabi Saw., bersabda: Orang yang bercampur dan bersabar degan kareanah mansua lebih baik daripada orang yang tidak bercampur degan manusia lain dan tidak bersabar dengan kareanah mereka (al-Bayhaqi al-Sunan al-Kubra)

Abu Said al-Kharraz (w 899M) menyebut bahawa bukanlah insan yang sempurna itu ialah insan yang keluar daripada dirinya pelbagai karamah zahir, tetapi insan yang sempurna ialah, dia duduk ditengah- tengah masyarakat berjual beli,berkahwin dan bercampur dengan manusia degan hati yang tidak lupa kepada Allah walaupun sesaat (al-Kurdi 1994)

Terdapat tokoh- tokoh besar yang mentadbir negara di dunia Islam yang mengamalkan tasawuf berperanan memelihara dan membangunkan negara. Mereka telah berjaya merubah kemunduran ummat yang berpaksi *tazkiyyah al-nafs*, memelihara akidah,shariah Islam, maruah, keturunan dan harta masyarakat Islam seperti Abu Abd Allah Muhammad Ibn Tumart (w. 1130M), Nuruddin Mahmud Zanki (w.1174M), Salahuddin al-Ayyubi (w. 1193M), Muhammad al-Fatih (w.1481M), Saifuddin Qutuz (w.1260M), Sultan Salim 1 (w.1512M), Sultan Sulaiman1(w.1566M), dan lain lain.

Tidak ketinggalan juga tokoh- tokoh ulama melayu yang bertasawuf. Mereka juga turut terlibat dalam membangunkan, menguruskan dan mentadbir negeri dengan pemerintah tertinggi negeri secara harmoni seperti Shaykh Islam Kedah Wan Sulaiman b Wan Siddik (w1935M), Shaykh Muhammad Said al-Linggi (1926M), Sayyid Abdul Rahman bin Sayyid Muhammad al-Aidrus (tokku Paloh) (1917M Shaykh Abdullah Fahim b Ibrahim (w1961M), Shaykh Muhammad Yusuf bin Ahmad (tok kenali) (1933M), Shaykh Hussein bin Muhammad Nasir (Tuan Husain Kedah) (1936M), Shaykh Islam Selangor Tengku Mahmud Zuhdi bin Tengku Abdur Rahman (w 1956M) dan lain lain lagi.

Dalam arus kemodenan ini, tasawuf masih relevan dan diperlukan sebagai asas kejayaan masyarakat dan pentadbiran negara., maka semua pihak mestilah memainkan peranan secara kolektif dan komplementari baik dari sektor kerajaan atau swasta. Hasil pentadbiran dan kepimpinan yang tersusun yang berteraskan *tazkiyyah al-nafs* akan melahirkan masyarakat yang turut mempunyai *tazkiyyah al-nafs* yang boleh bersatu padu membangunkan ekonomi, sosial, dan ketenteraan dengan seimbang dan cemerlang serta penuh barakah. Tanpa *tazkiyyah al-nafs* semua amalan dan usaha tidak akan berhasil dengan jayanya bahkan akan menjadi rosak binasa, kurang barakah dan menuju kemusnahan.

Tasawuf menggalakkan ummatnya merancang,berkerja bersungguh sungguh, taat kepada pemimpin, berbincang, merancang, mengambil sebab dan musabbab, memikirkan risiko yang bakal terjadi, berijtihad mencari penyelesaian masalah sebagai wasilah untuk berjaya tanpa melupai untuk menyertakan semua perkara tersebut dengan iringan doa, tawakkal dan kebergantungan hati kepada pertolongan, kurniaan, rahmat, taufik dan hidayah Allah. Hal ini selaras dengan kata kata ulama, mentadbir itu sebahagian urusan kehidupan (*al-tadbir nisf al ma'ishah*)

Tasawuf juga tidak melarang manusia menjawat jawatan tertinggi, menerima gaji bulanan, harta, pujian, mengumpul dana untuk membesarkan bangunan dan fasiliti, pengkitirafan dalam dan anatrabangsa, menggunakan teknologi moden terkini, dan lain- lain lagi, selagi mana ia dilihat sebagai wasilah bukan matlamat utama. Hati melihat segala kurniaan tersebut sebagai alat yang boleh membantu melaksanakan tugas mendidik dan memimpin dengan jayanya beserta hati bersifat penuh syukur dan reda dengan nikmat Allah. Tanda seorang itu bersyukur ialah apabila menerima nikmat, maka dia semakin taat dan berterima kasih dengan memanifestasikan kesungguhan kerja yang dipimpin kepada Allah

Muhammad Khairi Mahyuddin. *et al.* Tasawuf dan Pembangunan...

melalui jalan yang diredai. Kehidupan didunia ini perlu cemerlang dan bahagia untuk mencapai kecermerlangan dan kebahagiaan abadi di alam akhirat melalui pendidikan dan petadbiran negara yang berteraskan *tazkiyyah al-nafs*.

KESIMPULAN

Tasawuf adalah satu ilmu yang benar dari Islam. Pemahaman makna dan peranan tasawuf yang sempit perlu dimurnikan mengikut kacamata ahli al-sunah wa al- Jamaah. Di masakini amalan tasawuf adalah relevan dan perlu diketengahkan kepada semua masyarakat dengan fahaman yang benar seperti yang dibawa oleh para ulama ahli al-Sunnah wal-Jamaah . Masyarakat yang hidup dan menghayati tasawuf dan berakhlak mulia boleh hidup dalam keamanan dan perpaduan tanpa mengira bangsa kaum serta menyumbang kepada kemakmuran dan pembangunan negara.

RUJUKAN

Al-Quran

Al-Bayhaqi, Abu Bakar Ahmad b Husayn.1999 Kitab al-Sunan al-Kubra. Bayrut: Dar al-Kutub al-ilmiiyyah

Al-Bayhaqi, Abu Bakar Ahmad b Husayn.1990 Shu'b al-Iman. Bayrut: Dar al-Kutub al-ilmiiyyah

Al-Bukhari, Muhammad b Ismail 1994.Sahih al-bukhari Bayrut: Dar al-Fikr

Al-Ghazzali, Muhammad Muhammad. 1995. *Ihya' ʿulum al-din*. Bayrut: Dar al-Fikr

Al-Kurdi, Muhammad Amin. 1994. *Tanwir al-qulub fi muʿamalah allam al-quyub*. Bayrut: Dar al-Fikr

Al-Qaylubi, Abd Rabbuh Sulaiman.2002. *Fayd al-Wahhab fi Bayan Ahl al-Haq wa Man Dalla an al-sawab*. Misr: Maktabah Qahirah

Al-Sirhindi, Ahmad Abdul Ahad. [t.t]. *Al-Maktubat li al-Imam al-ʿAlim al-Rabbani al-Mujaddid li alfi al-Thani Ahmad al-Faruqi Al-Sirhindi. Muʿarrab al-maktubat al-shariʿah al-marsum bi al-durr al-maknunat al-nafisah* Trans. Muhammad Murad al-Qazani. Istanbul: Siraj Kitabevi

Wan Sulaiman Wan Siddik. 1343H. *Futuhat Qadahiyyah fi Bayan Haqiqah al-Tariqah al-Naqshabandiyyah al-Mujaddidiyyah al-Ahmadiyyah al-Mutabaqah lil'ulum al-'asriyyah*. . Pulau Pinang: Mercantile Press.

Jurnal Ushuluddin Adab dan Dakwah. Vol. 1 (2), 230-240

Wan Sulaiman Wan Siddik. 1347H. *Tanwir al-Basirah fi Bayan Asrar al-Shari'ah al-Mutahharah al-Munirah*. Pulau Pinang: Persama Press.

Wan Sulaiman Wan Siddik. 1335H. *Fakihah al-Janiyyah*. Pulau Pinang: Persama Press

Wan Sulaiman Wan Siddik. 1347H. *Wahuzzi ilaiki bijiz' al-nakhlati tusaqit 'alaiki rataban janiyya*. Pulau Pinang: The United Press.

Wan Sulaiman Wan Siddik. 1337H. *Inilah Risalah Bernama Nihayah al-Matlub li Tasfiyyah al-Qulub*. Pulau Pinang: Persama Press.